

PERKAHWINAN BERWALI KEPADA WALI HAKIM DI SELATAN THAILAND

Dr.Manapiyah Maoti^{1,a}

¹Ketua Jabatan Pengajian Islam, Institut Pengajian Islam dan Bahasa Arab,
Universiti Naradhiwas, Thailand.

^amaoti_pnu@yahoo.co.th

Kata kunci: Perkahwinan, Wali hakim , Selatan Thailand

Abstrak. Karya ilamiah ini bertujuan untuk mengenal pasti keabsahan perkahwinan perempuan yang berwali kepada hakim dan peranan wali hakim dalam mengahwini perempuan yang tidak mempunya wali di wilayah selatan Thailand. Untuk mencapai kepada tujuan ini penulis menggunakan metode perputakaan dari al-Quran, al-hadis, pendapat ulama sama ada ulama mazhab Syafii dan ulama mazhab lain serta wawancara wali hakim di tiga wilayah selatan Thailand. Kemudian disimpulkan dengan menggunkan fakta maslahat kepada masyarakat Islam selama tidak bertentangan dengan dalil-dalil syarak.

Hasil karya ini dapat mengenal pasti bahawa perkahwinan perempuan yang berwalikan kepada wali hakim di wilayah selatan Thailand adalah sah mengikut tuntutan hukum syarak dan diiktiraf oleh undang-undang Negara Thailand. Manakala wali hakim berperanan sebagai hakim syar’i atau wali amri untuk mengurus hukum syarak yang di luar bidang kuasa Dato’ Yuttitham dan institusi-institusi agama Islam di selatan Thailand.

Pendahuluan

Syariat Islam merupakan syariat yang membawa rahmat kepada manusia di dunia mahupun akhirat, kerana di antara tujuan yang Allah s.w.t mengutuskan Rasullullah s.a.w. untuk membawa kesejahteraan alam, sebagai mana al-Quran mengatakan bahawa, “Dan tiadalah kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam” (Quran,21:107) Oleh itu, tujuan Allah s.w.t. memerintah manusia mengamalkan syariat Islam adalah untuk memenuhi dan menjaga hak asasi mereka, yang terdiri daripada lima unsur, iaitu agama, jiwa, harta, akal dan keturunan. Manusia tidak akan mendapat rahmat kecuali apabila memenuhi unsur-unsur yang lima tersebut.

Keturunan (*al-nashlu*) ialah salah satu unsur daripada unsur yang lima, yang dikehendaki manusia memperoleh manfaat dan menjaga daripada mudarat dan kerosakan. Oleh yang demikian, syariat telah menetap sebuah peraturan atau undang-undang untuk menjaga keturunan daripada kerosakan. Dalam perkara ini, para ulama fiqh telah menjadikan masalah ini sebagai satu bahagian dalam syariat Islam yang dipanggil *ahkam al-ahwal al-syakhsiyyah* atau dikenal sebagai fiqh *munakahat* supaya setiap individu Muslim mengurus dalam rumah tangga mereka mengikut peruntukan yang telah disusun dalam syariah Islam.

Di antara peruntukan yang dituntut oleh syarak dalam perkahwinan adalah wali, ia merupakan satu rukun perkahwinan. Oleh itu, mama-mana perkahwinan yang tidak diuruskan oleh wali, maka perkahwinan itu dikira batal, sama ada wali itu dari keluarga (*nasab*) perempuan itu sendiri mahupun berwali kan kepada wali hakim. Sebagaimana dalam sebuah hadis Rasulullah s.a.w. bersabda; tiada perkahwinan kecuali dengan wali, sultan (hakim) adalah wali bagi perempuan yang tidak mempunyai wali (Ibnu Hambal,1994). Hadis ini merujukan bahawa hakim merupakan wali bagi perempuan yang tidak mempunyai wali . Justeru, kedudukan wali hakim sangat penting dalam sebuah masyarakat untuk mengurus hal-hal yang tidak boleh menangani oleh seseorang secara peribadi, kecuali dengan orang yang dilantik secara resmi oleh pihak yang diberi kuasa oleh syarak.

Untuk mencapai kepada objektif tersebut penulis mengumpulkan data perpustakaan dari al-Quran, al-hadis, pendapat ulama sama ada ulama mazhab Syafii dan ulama empat mazhab serta wawancara wali hakim di tiga wilayah selatan Thailand. Kemudian disimpulkan dengan menggunkan fakta maslahat kepada masyarakat Islam selama tidak bertentangan dengan dalil-dalil syarak.

Wali Perkahwinan

Wali berasal perkataan Bahasa Arab daripada kata *al-wilayah*, diertikan dengan erti pengasih dan penolong (al-Muqri,1987:258). Sementara erti wali pada istilah syarak ialah; orang yang kuasa untuk bertindak atas sesuatu akad atau atas sesuatu urusan dengan bebas tidak perlu minta izin daripada seseorang (Uqlah,1998:350). Wali merupakan orang yang berkuasa untuk bertindak ke atas orang lain, kerana orang lain memiliki sesuatu kekurangan atas dirinya yang menyebabkan dirinya tidak berhak bertindak sendiri secara hukum, sama ada untuk bertindak dalam urusan harta

seumpama jual beli, mahupun bertindak atas akad sesuatu seumpama akad nikah.

Tujuan syarak mewajibkan ada wali dalam perkahwinan adalah untuk menghindari adanya kecenderungan dan keinginan wanita kepada lelaki yang kadang kala tidak ada kelayakan baginya, maka kehadiran wali merupakan untuk menyelesaikan perkara ini (Ibnu al-Humam,t.th:339). Hal ini kerana tabiat manusia yang Allah s.w.t. ciptakan, mempunyai nafsu dan keinginan kepada berjimak. Oleh demikian, wali antaranya orang yang dapat mencegah seorang daripada berjimak di luar perkahwinan. Sekiranya syarak mengizinkan perempuan berkahwin dirinya sendiri, nescaya banyak kaum pemuda dan pemudi melakukannya dengan mudah tidak ada bezanya dengan orang berzina pada hari ini. Namun berapa banyak anak-anak digugurkan dalam kandungan ibu dan berapa banyak anak-anak yang lahir tidak mempunyai bapa. Justeru, Rasulullah s.a.w. melarang umatnya berkahwin sendiri, kerana Rasulullah s.a.w. pernah menegur bahawa perempuan berzina ialah perempuan yang mengahwinkan dirinya sendiri (Ibnu Majah,t.th.:606). Kerana itu, dalam urusan perkahwinan wali menepati kedudukan yang sangat penting ke atas orang di bawah jagaannya, seperti mengurus perkahwinan perempuan sama ada berakal atau gila, baligh atau kecil dan dara atau janda. Hal ini kerana, perkahwinan mereka tidak dianggap sempurna atau sah di sisi syarak sekiranya tidak diurus oleh wali, berdasar kepada al-Quran dan al-Sunah dan pendapat-pendapat ulama.

Dalam al-Quran memang tidak menyebut secara jelas tentang kedudukan wali dalam perkahwinan sebagai *ibarat al-nas*. Namun terdapat beberapa petunjuk daripada ayat al-Quran yang menunjukkan bahawa, kepastian ada wali dalam perkahwinan dengan secara *‘isyarat al-nas* yang difahamkan daripada dalil al-Quran. Antara ayat al-Quran yang mengisyaratkan kepastian ada wali dalam perkahwinan dalam surah al-Nur firman Allah s.w.t. yang bermaksud; “Dan kahwinkanlah orang-orang yang bujang (lelaki dan perempuan) dari kalangan kamu, dan orang-orang yang salih dari hamba-hamba kamu, lelaki dan perempuan.” (al-Quran,24:32). Ayat ini menunjukkan bahawa Allah s.w.t. memerintah kepada para wali supaya mengahwinkan orang di bawah jagaannya sama ada lelaki mahupun perempuan, merdeka mahupun hamba yang belum mempunyai suami atau isteri (al-Zuhayli, 1998:18/230). Imam al-Qurtubi menegaskan bahawa ayat ini ditujukan kepada para wali, kerana perkataan *ankihu* dengan huruf *Hamzah* (اوحن) bukan dengan huruf *Alif*, maka jika ayat ini dituju (*khitab*) kepada lelaki mestinya datang dengan huruf *Alif* (اوحن). Ayat ini sebagai dalil untuk menunjukkan bahawa perempuan tidak mempunyai kuasa untuk mengahwinkan dirinya sendiri dengan ketiadaan wali (al-Qurtubi,1996 : 109).

Pada ayat lain pula, Allah s.w.t. melarang para wali menghalang perempuan untuk berkahwin. Sebagaimana firman Allah s.w.t. dalam surah al-Baqarah yang bermaksud; “Dan apabila kamu menceraikan isteri-isteri (kamu), lalu habis masa idah mereka, maka janganlah kamu (wahai para wali) menahan mereka daripada berkahwin semula dengan (bekas) suami mereka” (Quran, 2:232). Ayat ini menjelaskan bahawa Allah s.w.t. melarang para wali bahawa jangan menghalang perkahwinan perempuan di bawah jagaannya dengan lelaki yang layak baginya, kerana yang mempunyai hak untuk mengurus perkahwinan perempuan adalah wali bukan perempuan (Ibnu Arabi,t.th.:271). Imam Ibn Kathir berkata ayat ini sebagai dalil untuk menunjukkan bahawa perempuan tidak memiliki hak untuk mengahwinkan diri sendiri, bahkan perkahwinan perempuan mesti diurus oleh wali (Ibnu Kathir,1974:267). Ayat ini turun dalam peristiwa Mu‘qal bin Yasar dengan saudara perempuannya bernama Jamilah binti Yasar, setelah ia (Jamilah) ditalak oleh suaminya Abi al-Badah satu talak, sehingga habis idah suaminya tidak datang merujuknya. Kemudian Abi al-Badah ingin mengahwinkan kembali bekas isterinya, lalu pergi memohon kepada walinya iaitu Mu‘qal bin Yasar untuk berkahwin dengan saudara perempuannya Jamilah binti Yasar setelah mereka bersetuju untuk berkahwin. Lantaran Mu‘qal bin Yasar menolak permohonan itu, maka Allah s.w.t. menurunkan ayat ini (Ibnu Kathir,1974:267). Imam Ibn ‘Arabi berkata, peristiwa ini menunjukkan bahawa wali (Mu‘qal bin Yasar) mempunyai hak dalam mengahwinkan perempuan di bawah jagaannya. Jika wali tidak ada hak nescaya Allah s.w.t. tidak menceritakan peristiwa ini kepada Rasulullah s.a.w. (Ibnu Arabi,t.th:272). Imam al-Syafi’i berkata, ayat ini adalah sejelas-jelasnya ayat dalam al-Quran yang menerang tentang kedudukan wali dalam perkahwinan perempuan, maka ayat ini menunjukkan bahawa perempuan tidak mempunyai kuasa untuk mengahwinkan dirinya sendiri tanpa diakadkan oleh wali (al-Syafi’i,1995:43).

Manakala dalil daripada hadis Rasulullah s.a.w. yang menyuruh umatnya untuk berkahwin melalui perantaraan wali supaya untuk membezakan antara perkahwinan orang Islam dengan perbuatan pelacur. Hal ini kerana pelacur ialah perempuan mengahwinkan dirinya sendiri tanpa diurus oleh wali. Kelakuan seperti ini telah diceritakan oleh Rasulullah s.a.w. dalam sebuah hadis yang bermaksud; “Dan jangan mengahwini perempuan akan perempuan, dan jangan mengahwini perempuan akan dirinya sendiri, kerana perempuan berzina, ialah perempuan yang mengahwinkan dirinya sendiri” (Ibnu Majah,t. th.:606). Rasulullah s.a.w. bertindak serius berkaitan dengan wali dalam perkahwinan, sehingga dikira batal perkahwinan tanpa wali, sebagaimana Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud; “Mana-mana perempuan berkahwin tidak mendapat izin daripada walinya, maka perkahwinan itu batal, perkahwinan itu batal, perkahwinan itu batal” (Abu Dawud,t.th:229), dan hadis; “Tiada sah perkahwinan melainkan dengan wali ” (Ibnu Majah,t.th.:605). Hadis ini menunjukkan bahawa tidak sah perkahwinan tanpa wali, kerana kalimah *“la”* iaitu menafikan sah. (al-San’ani,t.th.:154). Oleh sebab itu, jumhur sahabat, ulama fiqah dan ahli ilmu berpendapat bahawa tidak sah perkahwinan tanpa wali. Dalam hal ini, Imam Ibn Munzir berkata; tidak terdapat seorang sahabat Rasulullah s.a.w. yang menyalahi pendapat ini (Al-Syawkani,1995:127). Imam al-Nawawi menyatakan bahawa suatu perkahwinan tidak sah sekiranya perempuan mengahwinkan dirinya

sendiri atau orang lain mengahwininya, meskipun perempuan mendapat keizinan daripada wali (al-Nawawi,t.th:397). Bermakna dalam mazhab Syafi’i orang yang berhak mengahwinkan perempuan hanya wali sahaja. Sementara orang lain atau perempuan sendiri sama sekali tidak mempunyai kuasa untuk melangsungkan perkahwinan sama ada ia hendak mengahwinkan dirinya sendiri mahupun orang lain hendak mengahwininya selain daripada wali. Penegasan ini menunjukkan bahawa perempuan tidak mempunyai hak sama sekali untuk mengahwinkan dirinya sendiri atau mengahwini orang lain atau orang lain mengahwininya dengan ketiadaan wali. Sebab syarak tidak memperakui ibarat ijab atau kabul daripada perempuan, melainkan dengan melalui wali atau wakil wali sahaja.

Wali hakim

Ibn Farhun dalam karyanya *Tabahir al-Hukkam* menyatakan bahawa perlantikan hakim mengikut syariah Islam boleh dilakukan satu daripada dua cara ialah; *Pertama*: perlantikan yang dibuat oleh *amir al-mu‘minin* (ketua negara) sendiri atau orang yang diberi mandat oleh ketua negara. *Kedua*: perlantikan yang dibuat oleh *Ahlu Hall wa al-‘Aqd* (pemimpin agama dan masyarakat) dalam keadaan darurat, jika tidak dilaksanakan perlantikan oleh cara pertama (Ibn Farhun, 1995:19).

Oleh hal itu, dalam bahagian ini penulis hanya akan memperkatakan perlantikan hakim cara yang kedua, iaitu hakim dalam keadaan darurat atau dinamakan dalam bahasa Arab *“al-Qadi al-Syar‘i al-Daruri”* seorang hakim dilantik oleh sekelompok ulama yang bijak pandai dan pemimpin masyarakat Muslim ketika ketiadaan hakim yang dilantik oleh ketua negara. Imam al-Ramli menegaskan bahawa jika tidak ada sultan, maka hendaklah pemimpin yang berkuasa terdiri daripada *Ahlu Haall wa al-‘Aqd* melantik seorang hakim (*al-Qadi*). Oleh demikian, sebarang tindakan dan hukuman yang keluar daripadanya adalah sah mengikut hukum syarak kerana berlandaskan pada keadaan darurat (al-Ramli, 2003:242). Penegasan Imam al-Ramli di atas semasa beliau membuat perbincangan tentang perkahwinan seorang perempuan yang berwalikan hakim atau berwalikan raja, maka penegasan beliau itu dapat menunjukkan bahawa, betapa pentingnya kedudukan seorang hakim atau raja dalam mengurus perkahwinan bagi perempuan yang tidak ada wali. Demikian juga halnya Imam al-Mawardi seorang ulama mazhab Syafi’i menegaskan bahawa jika ahli negeri tidak ada hakim, maka pastikan mereka sepakat supaya melantik hakim dalam kalangan mereka (al-Mawardi, t.th.:76).

Ibn al-Humam ulama dalam mazhab Hanafi menegaskan bahawa, jika pada asal negara itu Islam kemudian diperintah oleh orang kafir, seperti di negara Sepanyol, Habasyah dan lainnya, maka wajib bagi orang Islam melantik salah seorang mereka untuk bertindak sebagai ketua negara, kemudian ia melantik hakim atau dia sendiri bertindak sebagai hakim (Ibnu al-Humam, t.th.:264). Dalam hal yang sama juga, Ibnu Abidin menyatakan bahawa jika dalam keadaan darurat, mereka (*Ahlu al-Hall wa al-‘Aqd*) boleh melantik hakim (Ibn Abidin,1994:368).

Petikan pendapat ulama daripada beberapa mazhab di atas menunjukkan bahawa kewujudan hakim dalam sebuah negara adalah sebagai satu kewajipan kepada ketua negara, jika ketua negara mengabaikannya maka kewajipan ini diletakkan ke atas pemimpin agama dan masyarakat (*Ahlu al-Hall wa al-‘Aqd*) supaya mereka memikul tanggungjawab ini dan melantik seorang hakim antara mereka untuk mengurus hal yang berkaitan dengan umat Islam yang telah diabaikan oleh pemerintah.

Pembentukan Wali hakim

Kewujudan Wali hakim di wilayah-wilayah Sempadan Selatan Thailand mula dilakukan pada tahun 1943, ketika Perdana Menteri Phibul Songgram memansuhkan undang-undang Islam tahun 1901 dan kedudukan Dato’ *Yuttitham* juga turut dibatalkan. Oleh demikian masyarakat Islam terpaksa menerima pakai undang-undang sivil yang bertentangan dengan ajaran Islam dalam kehidupan harian. Tempat tumpuan mereka dalam menyelesaikan masalah yang berkait dengan keagamaan khususnya masalah keluarga dan pusaka telah dihapuskan. Keadaan ini telah mendesak pemimpin agama dan masyarakat supaya membentuk jawatan Wali hakim. Ekoran daripada itu mereka bersepakat melantik Tuan Guru Haji Sulung Bin Abdulqadir sebagai Wali hakim pertama di kawasan wilayah Pattani (Che Abdullah Langputih,1975:18-19), sementara Haji Wan Abdurrahman Deraman di wilayah Narathiwat, kemudian Haji Hasan Tantor di wilayah Yala. Mereka dilantik untuk menangani masalah umat Islam sebagai menggantikan jawatan Dato’ *Yuttitham* yang telah dibatalkan.

Pada tahun 1946, undang-undang Islam yang berkaitan keluarga dan pusaka Islam kembali berkuat kuasa di bawah Akta Pelaksanaan Undang-Undang Islam Tahun 1946, bertujuan supaya umat Islam kembali melaksanakan undang-undang Islam. Namun, jika diteliti bidang kuasa Dato’ *Yuttitham* (hakim syar’i) dalam akta yang baru digubalkan ini, maka jabatan Wali hakim tetap mesti dikekalkan. Lantaran banyak fungsi Dato’ *Yuttitham* dihapuskan dan diterhadkan oleh Akta Pelaksanaan Undang-Undang Islam Tahun 1946.

Kerana faktor keterbatasan bidang kuasa dan fungsi Dato’ *Yuttitham* ini menyebabkan pemimpin agama dan masyarakat mengekalkan jawatan Wali hakim sehingga sekarang. Kehadiran Dato’ *Yuttitham* di Mahkamah Agama hanya diberi kuasa dalam bidang tertentu sahaja. Sedangkan pada prinsipnya, syarak memberi fungsi kepada hakim syar’i (Dato’

Yuttitham) sangat luas selain memberi keputusan kes di mahkamah, ia juga bertindak sebagai wali bagi mereka yang tidak ada wali sama ada wali mengurus harta ataupun wali perkahwinan.

Berkaitan dengan hal ini, kerajaan tidak memberi kuasa kepada institusi-institusi agama yang bernaung di bawah akta, untuk bertindak dan berperanan sebagai hakim atau wali amri sama ada institusi Mahkamah Agama (Dato’ *Yuttitham*), *Chularacmontri* (Syaikhul Islam), Ahli Jawatankuasa Islam Pusat (di Bangkok), Ahli Jawatankuasa Islam Wilayah (di wilayah) dan Ahli Jawatankuasa Masjid (di kampung). Walaupun Dato’ *Yuttitham* dan *chularacmontri* dilantik secara rasmi oleh Raja Thai, tetapi kuasa kedua-duanya tidak meliputi masalah wali. Oleh yang demikian, secara tidak langsung Akta Pentadbiran Institusi Agama fasal no. 37 memberi kuasa kepada imam masjid melaksanakan amalan agama mengikut tuntutan syariah (dalam pengertian luas) termasuk tugas wali .

Walaupun bidang kuasa *Chularacmontri* dalam akta pentadbiran institusi agama tahun 1997, fasal no.6 adalah sebagai pemimpin urusan agama Islam di negara Thailand (Akta Pentadbiran Institusi Agama Tahun, 1997, fasal 6) atau “*kitchakan sasana Islam*”, namun jika memahami kepada pengertian umum, ia tidak dapat menjadikan landasan bagi *Chularacmontri* untuk bertindak sebagai wali perkahwinan (Ismail Ali,1994:23).

Untuk menangani masalah ini, umat Islam di kawasan tiga wilayah Selatan Thailand terpaksa melantik wali hakim di kalangan mereka sendiri supaya menangani hukum syarak menurut tuntutan agama Islam. Hal ini kerana pelaksanaan hukum syarak merupakan suatu yang sangat diperlukan bagi umat Islam (Abdul Wahab, 2010). Proses perlantikan Wali hakim di wilayah Pattani, Narathiwat dan Yala adalah berbeza antara satu sama lain. Di wilayah Pattani dan Narathiwat perlantikannya hanya sekali sahaja dan ia berkuat kuasa seumur hidup. Manakala di wilayah Yala, ketua Majlis Agama Islam akan dilantik sebagai Wali hakim bagi setiap empat tahun sekali.

Pihak yang melantik Wali hakim di tiga wilayah tersebut terdiri daripada para ulama dalam wilayah, imam masjid, pemimpin dalam masyarakat, pegawai kerajaan yang beragama Islam termasuk Dato’ *Yuttitham* dan pegawai swasta termasuk guru besar sekolah agama dan ahli perniagaan Muslim, mereka ini digelar sebagai *Ahlu al-Hall wa al-‘Aqd* (Ismail Hari,2009). Dalam majlis perlantikan atau majlis tauliah wali hakim di wilayah Yala, *Ahlu al-Hall wa al-‘Aqd* bermesyuarat di dewan Majlis Agama Islam dan memilih seorang yang terpilih untuk bertindak sebagai wali hakim untuk duduk di hadapan *Ahlu al-Hall wa al-‘Aqd*, kemudian sama-sama membaca *Sighah Ijab* (lafaz ijab) yang dipimpin oleh pengerusi majlis kepada Wali hakim. Kemudian Wali hakim menerima perlantikan dengan *Sighah Qabul* (lafaz kabul). Setelah perlantikan selesai dengan *Sighah Ijab* dan *Sighah Qabul*, maka semua pelantik (*Ahlu al-Hall wa al-‘Aqd*) bermusafahah atau berjabat tangan dengan Wali hakim. Kemudian ia (Wali hakim) menyerahkan tugasnya kepada Timbalannya, iaitu ahli jawatankuasa Majlis Agama Islam dan para imam masjid di dalam kawasan masing-masing untuk menjadi wali perkahwinan bagi perempuan yang tidak ada wali atau wali yang luput keahliannya (Ismail Hari,2009). Bidang kuasa Wali hakim dan naibnya hanya di dalam kawasan wilayah atau kariah yang dilantik sahaja.

Bidang Kuasa Wali Hakim

Berhubungan dengan bidang kuasa Wali hakim, Tuan Guru Haji Ismail Hari menegaskan bahawa pada hakikatnya peranan Wali hakim sangat besar sebagai melaksanakan tugas-tugas *wali al-amri* dalam urusan agama (Ismail Hari,2009). Dari penegasan Tuan Guru itu menunjukkan bahawa dalam syariah Islam kedudukan Wali hakim menempati kedudukan ketua negara dalam mengurus hal ehwal agama Islam. Adapun Wali hakim yang dilantik oleh *Ahlu al-Hall wa al-‘Aqd* di wilayah Sempadan Selatan Thailand hanya untuk bertindak dalam urusan yang tidak dilaksanakan oleh Dato’ *Yuttitham*, iaitu hakim syar’i yang dilantik secara rasmi oleh Raja Thailand. Antara urusan agama yang dilaksanakan oleh Wali hakim adalah seperti berikut:

1. Menjadi wali perkahwinan bagi perempuan tidak mempunyai wali atau wali yang luput syarat kewalian.
2. Menyelesaikan dan mendamaikan pihak yang berbalah.
3. Mengurus harta wakaf, harta zakat, harta tidak ada waris, harta penemuan (*laqitah*) dan harta *Bait al-Mal* (harta tengah).
4. Mengurus anak yatim dan hartanya, orang bodoh, orang tidak sempurna akal dan orang gila yang tidak mempunyai wali.
5. Meluluskan wasiat dan menentukan saksi.
6. Menjaga maslahat umum umat Islam dan *Amr al-Ma’ruf wa Nahy ‘An al-Munkar*.
7. Menetapkan anak bulan (Abdullah Abu Bakar,2009:17).

Berkaitan dengan perkahwinan perempuan yang tidak ada wali , Imam al-Sayuthi menerangkan dalam kitabnya yang terkenal *al-Asybah wa al-Naza’ir*, tentang peranan seorang hakim untuk bertindak sebagai wali perkahwinan perempuan dalam dua puluh bentuk antaranya adalah; tiada wali khas atau wali khas tidak memenuhi syarat kewalian, kehilangan wali khas dan belum mendapat keputusan daripada mahkamah, wali khas dalam ihram haji atau umrah, wali khas enggan, wali khas tinggal jauh lebih daripada 96 kilometer, wali khas dalam penjara, wali khas melarikan diri, wali khas

mengundurkan diri dan lain-lain lagi (al-Sayuthi,1998,419-420).

Dalam melakukan perkahwinan perempuan tidak ada wali di kawasan wilayah Pattani, Narathiwat dan Yala, Wali hakim atau orang telah mendapat tauliah daripadanya berkuasa melaksanakan perkahwinan mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh syarak. Namun, jika perempuan dari kawasan tiga wilayah, maka perkahwinan mesti dilaksanakan oleh Ahli Jawatankuasa Majlis Agama Islam atau Imam masjid yang mendapat tauliah di kawasan tempat tinggal perempuan tersebut. Sementara jika perempuan dari luar kawasan tiga wilayah dan dari luar negeri, maka perkahwinan mesti diuruskan oleh Ahli Jawatankuasa Majlis Agama Islam wilayah yang bertauliah daripada Wali hakim(Ismail Hari,2009). Keterbatasan tauliah kepada orang tertentu dan kawasan tertentu daripada imam masjid dan Ahli Jawatankuasa Majlis Agama Islam, adalah kerana untuk menjaga maslahat Wali hakim dan Majlis Agama Islam. Oleh kerana, sekiranya membuka tauliah secara bebas kepada para imam masjid dan Ahli Jawatankuasa Majlis Agama Islam, maka akan timbul banyak masalah di kemudian hari sama ada masalah kesahihan dalam pernikahan atau masalah pengurusan perkahwinan.

Kedudukan Wali Hakim

Pada asalnya Wali hakim memegang dua jawatan, iaitu pemimpin urusan pentadbiran Majlis Agama Islam dan pemimpin dalam urusan agama di kawasan wilayahnya tanpa ada had masa. Apabila kerajaan menggubal Dekri Diraja Hal Ehwal Agama Islam Tahun 1945, kemudian digantikan Akta Pentadbiran Institusi Agama Tahun 1997, maka dekri dan akta tersebut meletakkan tempoh tertentu dalam memegang jawatankuasa Majlis Agama Islam, iaitu hanya selama enam tahun pada setiap kali pemilihan dan perlantikan (Akta Pentadbiran Institusi Agama Tahun 1997, fasal 25). Sementara perlantikan jabatan Wali hakim adalah seumur hidup, maka bermula dari sinilah terpisah di antara bahagian pentadbiran dan bahagian agama. Bermakna di setiap wilayah mempunyai dua pemimpin agama iaitu ketua Majlis Agama Islam dan Wali hakim.

Wali hakim sebagai pemimpin dalam urusan agama di peringkat wilayah untuk mengurus hal ehwal agama sebagai pengganti pemimpin negara (raja) bagi negara yang diperintah oleh bukan orang Islam (Abdul Wahab,2010). Tindakan Wali hakim dan kesahihan surat akuan nikah cerai yang dikeluarkan oleh institusi Wali hakim turut diiktiraf oleh undang-undang rasmi secara tidak langsung fasal 26(10) Akta Pentadbiran Institusi Agama Tahun 1997 telah memperuntukkan bahawa: “Mengeluarkan surat akuan perkahwinan dan perceraian mengikut peruntukan undang-undang Islam”. Berdasarkan peruntukan ini, maka surat akuan nikah cerai yang dikeluarkan oleh institusi Wali hakim dianggap sah dari segi undang-undang Thailand kerana perkahwinan yang dilaksanakan berdasarkan undang-undang Islam dan diiktiraf oleh Majlis Agama Islam, iaitu suatu badan rasmi yang mempunyai kekuatan undang-undang.

Perkahwinan Pindah Wali

Antara tanggungjawab Wali hakim ialah menjadi wali bagi perempuan yang tidak mempunyai wali dalam kawasan wilayahnya. Walaupun di kawasan wilayah Pattani, Narathiwat dan Yala sudah mempunyai hakim syar’i (Dato’ *Yuttitham*) di Mahkamah Agama, tetapi undang-undang yang bersangkutan tidak memberikan kuasa kepada Dato’ *Yuttitham* untuk bertindak sebagai wali perkahwinan. Ia hanya diberi kuasa sebagai pemutus hukuman keluarga dan pusaka Islam (Akta Pelaksanaan Undang-Undang Islam Tahun 1946, fasal 4) dan dibatasi kekuasaannya di mahkamah sahaja. Justeru, perlantikan Wali hakim di kawasan tiga wilayah Selatan Thailand adalah fardu kifayah, kerana untuk mengurus hal ehwal agama sebagai pengganti *wali al-amri* (Akta Pelaksanaan Undang-Undang Islam Tahun 1946, fasal 3).

Berhubung dengan perkara ini, Tuan Guru H. Abdulwahab Bin Abdulaziz, Wali hakim wilayah Pattani menegaskan bahawa akad perkahwinan yang dilakukan oleh Dato’ *Yuttitham* di luar mahkamah adalah tidak sah kerana tindakan itu bukan bidang kuasa Dato’ *Yuttitham* yang telah diberikan oleh undang-undang(Abdul Wahab,2010). Justeru, jika Dato’ *Yuttitham* hendak bertindak sebagai Wali hakim ia mesti dilantik oleh *Ahlu al-Hall wa al-‘Aqd* atau telah diberikan tauliah oleh Wali hakim. Walaupun tindakan Dato’ *Yuttitham* berdasarkan peruntukan Meneual Keluarga dan Pusaka Islam, iaitu disamakan status hakim syar’i dengan Dato’ *Yuttitham* (Meneual keluarga dan Pusaka Islam, fasal 35), namun pada hakikatnya, bidang kuasa ini telah dimansuhkan oleh Akta Pelaksanaan Undang-Undang Islam Tahun 1946. Sebenarnya pada tahun 1901, bidang kuasa Dato’ *Yuttitham* di bawah undang-undang Islam tahun 1901 disamakan dengan hakim syar’i.

Wali hakim memainkan peranan yang penting dalam kehidupan masyarakat Islam di Selatan Thailand dalam menyelesaikan isu-isu perundangan yang terlibat dengan wali. Walaupun penyelesaian itu tidak mempunyai kekuatan hukum kerana kedudukan institusi wali hakim tidak diperuntukkan dalam mana-mana undang-undang bertulis, namun masyarakat Islam berpuas hati dengan penyelesaian yang dilakukan oleh wali hakim. Justeru, wali hakim menduduki posisi yang penting dalam menguruskan perkahwinan bagi perempuan yang tidak mempunyai wali. Kebanyakan perempuan yang memohon kepada wali hakim untuk mengahwinkan mereka adalah perkahwinan berpindah wali, iaitu keberadaan wali di tempat

yang jauh daripada dua *marhalah* ¹, baik pasangan itu dari dalam mahupun luar negeri. Adapun sebab lain tidak begitu banyak, seperti tidak ada wali nasab, sebab memeluk agama Islam, wali sedang mengerjakan ibadat haji, keengganan wali, wali fasik dan sebagainya.

Berkaitan dengan perkahwinan pindah wali (wali *ghaib*), syarak telah memberikan kuasa kepada wali hakim mengahwinkan perempuan yang walinya ghaib. Dalam hal ini, Imam al-Zayn al-Din al-Malibari dalam kitabnya *Fath al-Mu'in* menegaskan bahawa apabila datang perempuan mendakwa kepada hakim bahawa walinya ghaib dan ia tidak mempunyai suami dan tidak berada dalam idah sesiapa, maka bagi hakim hendaklah membenarkan dakwaannya dan mengahwininya dengan tidak berhajat mendatangkan saksi ke atas dakwaan itu (Milibari,t.th.:104). Namun, Imam al-Syafi'i melarang wali hakim menerima dakwaan perempuan itu, sehingga mendatangkan dua orang saksi. Sebaliknya, Imam al-Nawawi berpendapat bahawa larangan ini tidak membawa kepada wajib mendatangkan dua orang saksi, bahkan ia merupakan perkara yang sunat sahaja (Al-Nawawi,t.th.:415). Oleh itu, jika tidak ada dua orang saksi maka dituntut kepada perempuan bersumpah (al-Bakri,1995:530). Institusi wali hakim di Selatan Thailand memilih pandangan Imam al-Syafi'i yang melarang seseorang wanita yang tidak bersuami berkahwin kecuali selepas didatangkan dua orang saksi atau bersumpah.

Berdasarkan kepada dalil di atas, maka dalam pelaksanaannya di kawasan tiga wilayah Selatan Thailand, wali hakim atau naibnya menuntut supaya pemohon (perempuan) bersumpah, sekiranya tidak mempunyai bukti di atas dakwaannya. Adapun bukti untuk menunjukkan bahawa ia tidak mempunyai suami atau dalam idah orang lain, antaranya adalah surat akuan cerai atau surat keterangan fasakh atau dua orang saksi. Manakala lafaz sumpah adalah “Wallahi saya bersumpah dengan sebenarnya bahawa saya tidak menjadi isteri bagi siapa dan tidak dalam idah siapa”. Setelah majlis angkat sumpah selesai, Wali hakim atau naibnya mengadakan majlis akad nikah serta mengeluarkan surat akuan perkahwinan. Bagi pasangan luar negeri khususnya bagi warga negara Malaysia, mereka semestinya mendapat surat akuan perkahwinan yang diterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia oleh Majlis Agama Islam sesudah akad perkahwinan.

Untuk melancarkan dalam menjalankan tugas wali hakim di setiap wilayah dan memberi kemudahan bagi pasangan lelaki dan perempuan, maka wali hakim telah melantik beberapa orang untuk berperanan sebagai naib kadi untuk bertindak sebagai wali perkahwinan. Bagi setiap wilayah cara perlantikan dan pemberian tauliah berlainan dengan wilayah lain. Di wilayah Pattani, orang yang mendapat tauliah untuk bertindak sebagai naib wali hakim hanya orang tertentu daripada ahli jawatankuasa Majlis Agama Islam yang ada kelayakan dan berpengetahuan agama sahaja. Demikian juga, tauliah itu diberikan kepada para imam masjid dalam kes tertentu sahaja, seperti kesukaran untuk datang ke rumah wali hakim kerana jarak perjalanan yang jauh atau waktu sudah larut malam. Maka ia (imam masjid) mesti mendapat tauliah terlebih dahulu melalui telefon, demikian juga perempuan mesti memohon perkahwinan melalui telefon (Abdul Wahab,2010). Manakala di wilayah Narathiwat orang yang mendapat tauliah untuk bertindak sebagai naib kadi adalah semua ahli jawatankuasa Majlis Agama Islam. Mereka berkuasa mengahwinkan perempuan di seluruh kawasan Wilayah Narathiwat (Wan Husain Deraman,2010). Sedangkan di wilayah Yala orang yang diberikan tauliah untuk bertindak sebagai naib kadi adalah semua ahli jawatankuasa Majlis Agama Islam dan para imam masjid. Ahli Jawatankuasa Majlis Agama Islam berkuasa di seluruh wilayahnya, manakala imam masjid berkuasa dalam kariah masing-masing. Namun, untuk perkahwinan pasangan luar negeri, ia hanya diberi tauliah kepada ahli jawatankuasa Majlis Agama Islam sahaja(Ismail Hari, 2009).

Penjelasan di atas menunjukkan bahawa cara perlantikan naib kadi satu wilayah tidak sama dengan wilayah lain, maka peranan mereka juga turut berbeza. Umpamanya di wilayah Pattani dan Narathiwat pihak yang berkuasa menguruskan perkahwinan hanya orang yang dapat tauliah daripada wali hakim sahaja sama ada untuk perkahwinan pasangan dalam negeri mahupun luar negeri sama ada dalam kariah mahupun luar kariah. Sedangkan di wilayah Yala imam masjid berkuasa bertindak sebagai naib wali wakim untuk mengahwinkan perempuan yang tidak mempunyai wali dalam kariahnya sahaja. Manakala ahli jawatankuasa Majlis Agama Islam berkuasa di seluruh kawasan wilayah Yala, termasuk pasangan dari luar negeri.

Wali hakim dan naibnya diberi kuasa oleh syarak menerusi urusan agama dan segala tindakan mereka diterima baik oleh masyarakat Islam di kawasan wilayah Selatan Thailand. Wali hakim merupakan sebuah badan agama Islam tertinggi di peringkat wilayah. Namun, institusi ini secara langsung tidak mempunyai kekuatan hukum di sisi undang-undang negara, walaupun surat akuan nikah cerai yang dikeluarkan oleh wali hakim diiktiraf oleh Majlis Agama Islam kerana menepati peruntukan fasal 26(10) Akta Pentadbiran Institusi Agama Tahun 1997, dengan itu tindakan wali hakim mempunyai kekuatan undang-undang.

Kesimpulan

Islam meletakkan kedudukan wali pada posisi yang penting dalam perkahwinan perempuan sehingan dianggap batal perkahwinan yang tidak dilaksanakan oleh wali sama ada wali itu dari keturunan perampuan itu sendiri mahupun wali

hakim. Syarak telah meletakkan kedudukan wali hakim menepati wali keturunan, sekiranya perempuan tidak mempunyai wali atau wali tidak memenuhi persyaratan kewalian. Oleh demikian, tindakan wali hakim dalam perkahwinan perempuan yang bermasalah wali di selatan Thailand adalah sah mengikut tuntutan syarak dan diiktiraf oleh undang-undang negara. Justeru, segala tindadakan wali hakim berdasarkan kepada dalil-dalil syarak dan diiktiraf oleh undang-undang negara, maka surat akuan perkahwinan yang dikeluarkan oleh wali hakim (Majlis Agama Islam Wilayah) ikut diiktiraf oleh Akta Pentabiran Institusai Agama Tahun 1997.

Wali hakim berperanan sebagai menepati peranan *wali amri* (ketua Negara) dalam mengurus hal ehwal agama Islam. Mereka dilantik dalam keadaan darurat oleh pemimpim agama dan masyarakat untuk meneruskan pekerjaan yang diabaikan oleh kerajaan. Walaupun di selatan Thailand, kerajaan telah melantik beberapa jabatan agama yang penting di negara itu seperti, Jabatan Majlis Agama Islam, Jabatan Dato *Yuttitham*, Jabatan Syaikhul Islam dan lain-lain. Namun jabatan-jabatan tersebut, tidak mempunyai bidang kuasa untuk mengurus beberapa perkara yang telah ditetapkan oleh syarak, seperti mengurus perkahwinan perempuan yang tidak mempunyai wali dan sebagainya. Oleh itu, kedudukan wali hakim di selatan Thailand merupakan fardu kifayah yang diwajibkan ke atas orang tertentu untuk menangani hukum-hukum Islam yang tidak di laksanakan oleh institusi agama yang telah dirasmikan oleh kerajaan.

Biografi

Al-Quran

Buku:

Abu Dawud, Sulayman bin al-Asyath bin Ishaq al-Azdi al-Sajastani (t.th.). *Sunan Abi Dawud*. t.k., Dar al-Fikri.

Al-Bakri, Abu Bakr Usman bin Muhammad Syatta al-Dimyati (1995). *Hasyiyah Iaanah al-Thalibin*. Bierut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Al-Muqri (1987). *Misbah al-Munir Mujam Arabi Arabi*. Beirut: Maktabah Lubnan.

Al-Nawawi, Abi Zakariya Yahya bin Syaraf al-Din (t.th.). *Rawdah al-Talibin*. Beirut: Dar al-Kitab al-Ilmiyyah.

Al-Qurtubi, Abu Abd Allah Muhammad bin Ahmad al-Ansari (1994). *Al-Jamiu li al-Ahkam al-Quran*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Al-Ramli, Syams al-Din Muhammad bin Abi al-Abbas Ahmad bin Hamzah bin Syahab al-Din (2003). *Nihayah al-Muhtaj ila al-Syarh al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Al-Sabuni, Muhammad Ali (t.th.). *Rawaiu al-Bayan Tafsir Ayat al-Ahkam*. t.k.,t.t.

Al-Sayuthi, Jalal al-Din Abd al-Rahman (1998). *al-Asybah wa al-Nazair fi Qawaid wa Furu Fiqh al-Syafiyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Al-Syafii, Muhammad bin Idris,(1995). *Tafsir al-Imam al-Syafii*. Bierut: Dar al-Kukub al-Ilmiyyah.

Al-Syarbini, Syams al-Din Muhammad bin Ahmad al-Khatib (1994). *Mughni al-Muhtaj ila Marifah Maani Alfaz al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Al-Syawkani, Muhammad bin Ali bin Muhammad (1995). *Nayl al-Awtar*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Al-Zuhayli, Wahbah Dr. (1998). *al-Tafsir al-Munir fi al-Aqidah wa al-Syariyyah wa al-Manhaj*. Damaskas: Dar al-Fikr.

Che Abdullah Langputih (1975). *Krachok Maimi Ngau: Panha Si Changwat Paktai* (Cermin hilang Bayangan: Masalah Empat Wilayah Selatan Thailand). Bangkok: Prachak Kanpimp.

Ibn Abidin, Muhammad Amin (1979). *Hasyiyah Durr al-Mukhtar*. Beirut: Dar al-Fikri.

Ibn Arabi, Abu Bakr Muhammad bin Abd Allah (t.th.). *Ahkam al-Quran*. Beirut: Dar al-Kitab al-Ilmiyyah.

Ibn al-Humam, Kamal al-Din Muhammad bin Abd al-Wahid (t.th.). *Syarh Fath al-Qadir*. Beirut: Dar al-Fikr.

Ibn Farhun, Burhan al-Din Abi al-Wafa Ibrahim bin Ali (1995). *Tabsirah al-Hukkam fi Usl al-Aqdiyyah wa Manahij al-*

1 Jarak jauh 96 kilometer.

Ahkam. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Ibn Kathir, Imad al-Din Abi al-Fida Ismail, (1993). *Tafsir al-Quran al-Azim*. al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-Ulum wa al-Hikam.

Ibn Majah, al-Hafiz Abi Abd Allah Muhammad bin Yazid al-Qazwini (t.th.). *Sunan Ibn Majah*. Bierut: Dar Fikr.

Ibnu Hambal, Abu Abd Allah Muhammad bin Hanbal al-Syaybani (1994). *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal*. Beirut: Dar al-Ihya` al-Turath al-Arabi.

Ismail Ali, Dr. (1994). *Kotmai Islam* (Undang-Undang Islam). Pattani: Prince of Songkhla University Press.

Mawardi, Abi al-Hasan Ali bin Muhammad bin Habib (t.th.). *al-Ahkam al-Sultaniyyah*. Beirut: Dar al-Fikri.

Milibari, Zayn al-Din Bin Abd al-Aziz (t.th.). *Fath al-Muin bi Syarh Qurrah al-Aiyn*. Pattani: Matb‘ah Bin Halabi.

Uqlah, Muhammad Dr. (1989). *Nizam Usrah fi al-Islam*. Amman: Maktabah al-Risalah al-Hadithah.

Kertas Kerja:
Abdullah Abu Bakar H. Ismail (2009). *Tauliah Qadi Syari Daruri Dalam Pandangan Islam: Pelantikan di Wilayah Yala Sebagai Contoh*

Wawancara:
Tuan Guru H. Abdulwahab Abdulwahab, Kadi Syar‘i wilayah Pattani, pada tanggal 06 Januari 2010, bertempat di rumah kediamannya Sekolah Azizstan , Napradu daerah Khodpoo wilayah Pattani.

Tuan Guru H. Ismail Hari, Kadi Syar‘i wilayah Yala, pada tanggal 03 Januari 2010, bertempat di pejabat Majlis Agama Islam Wilayah Yala, daerah Muang wilayah Yala.

Dato’ H. Wan Husain Deraman, Kadi Syar‘i wilayah Narathiwat, pada tanggal 07 Januari 2010, bertempat di rumah kediamannya di bandar Narathiwat, daerah Muang wilayah Narathiwat.

Statut
Akta Pelaksanaan Undang-Undang Islam di Kawasan Wilayah Pattani, Narathiwat, Yala dan Satun Tahun 1946.

Akta Pentadbiran Institusi Agama Islam Tahun 1997.